

PEWAKAF UTAMA SMITA



PROFIL PERIBADI

HAJJAH MAHANUM BINTI ITAM MEMEGANG IJAZAH BA (HONS) UNIVERSITI MALAYA DAN MBA, UNIVERSITY STRATHCLYDE, GLASGOW, SCOTLAND. BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD), BELIAU BERPENGALAMAN LUAS DENGAN PENEMPATANNYA DI KEMENTERIAN PERTAHANAN, KESIHATAN, UNIVERSITI HOSPITAL, KEMENTERIAN LUAR BANDAR, MITI, KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN. BELIAU BERSARA PADA TAHUN 2003 DARI JAWATANNYA SEBAGAI KETUA PENGARAH, JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

PENGALAMAN KERJA

SEORANG YANG BERJIWA KEBAJIKAN, HAJJAH MAHANUM MENUBUHKAN SEKOLAH RENDAH ISLAM TAHFIZ AL-AMIN DI CHENDERONG BALAI, TELUK INTAN, PERAK PADA TAHUN 2001. PADA 2004 SELEPAS BERSARA MENGURUS DAN MENANGGUNG ANAK-ANAK YATIM/MISKIN HAMPIR BERSENDIRIAN DENGAN HANYA BANTUAN DARI SAHABAT-SAHABATNYA.

PENGLIBATAN AWAL

BELIAU TELAH MEWAKAFKAN TANAH SELUAS 6 EKAR KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM PERAK PADA TAHUN 2012 DAN PIHAK MAJLIS AGAMA ISLAM PERAK MENYERAHKAN URUSAN MENTADBIR SEKOLAH MENENGAH ISLAM TAHFIZ AL-AMIN KEPADA JAMAAH PENGURUSAN YANG DILANTIK MEWAKILI PERTUBUHAN KEBAJIKAN AL-NIDAA' MALAYSIA. BELIAU JUGA BERPERANAN MENGURUSKAN PEMBINAAN BLOK-BLOK BANGUNAN KELAS DAN ASRAMA DENGAN MENGGUNAKAN DUIT SENDIRI DAN SUMBER KEWANGAN PELBAGAI PIHAK YANG MENYUMBANG DERMA TERUTAMA DARIPADA PIHAK KERAJAAN, NGO DAN INDIVIDU UNTUK PEMBANGUNAN SMITA

BELASUNGKAWA

DALAM SEBUAH HADIS YANG DIRIWAYATKAN DARIPADA ABU HURAIRAH R.A, BAHAWA RASULULLAH SAW TELAH BERSABDA:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ
عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

MAKSUDNYA: “APABILA MATI SEORANG MANUSIA, TERPUTUSLAH DARIPADANYA AMALANNYA KECUALI TIGA PERKARA: SEDEKAH JARIAH ATAU ILMU YANG DIMANFAATKAN DENGANNYA ATAU ANAK YANG SOLEH YANG MENDOAKAN BAGINYA.”

RIWAYAT MUSLIM (1631), AL-NASA’I (3651), AL-TIRMIZI (1376) DAN ABU DAUD (2880)

HAJJAH MAHANUM BINTI ITAM TELAH KEMBALI KERAHMATULLAH PADA 17 JULAI 2017. MARILAH KITA BERDOA AGAR BELIAU DIRAHMATI ALLAH DAN DITEMPATKAN DALAM KALANGAN ORANG BERIMAN.